BOLTON FINANCE BHD.

lwn.

KENNETH JAMES SANKER & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-785-90]
25 JUN 1992

PROSEDUR SIVIL: *Saman plaintif untuk penghakiman muktamad - Bantahan awal dari defendan - (i) Kelewatan plaintif (ii) ketiadaan klausa yang menyatakan tiada pembelaan bagi defendan dalam afidavit yang menyokong permohonan plaintif - Permohonan ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar (PKP) - Plaintif merayu - Samada bantahan awal atas isu-isu itu tidak sepatutnya diterima oleh PKP.*

Plaintif telah merayu kepada Hakim yang arif apabila defendan membangkitkan bantahan awal terhadap permohonan plaintif untuk mendapat penghakiman muktamad. Isu dalam bantahan awal berkenaan kelewatan oleh plaintif dan isu lain ialah bahawa afidavit yang menyokong permohonan plaintif tidak mengandungi klausa yang menyatakan bahawa defendan tidak ada pembelaan.

Diputuskan:
[1] Memandangkan masa yang telah diambil, tidaklah boleh dikatakan kelewatan telah berlaku. Permohonan plaintif telah dibuat hanya empat bulan selepas penyata pembelaan defendan. Afidavit tambahan pertama - empat bulan selepas permohonan difailkan dan afidavit tambahan kedua hanya satu bulan selepas pendengaran di hadapan PKP.

[2] Dua afidavit tambahan telah pun dikemukakan dengan tujuan mengatasi masalah pembelaan yang tidak mengandungi klausa yang menyatakan defendan tidak mempunyai pembelaan.

[Rayuan dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:
MBf Finance Bhd. lwn. Hasmat Properties Sdn. Bhd. & Yg. Ln. [1990] 2 CLJ (Rep) 461 ***(dirujuk)***
Syarikat Islamiyah lwn. Bank Bumiputra Malaysia Bhd. [1988] 3 MLJ 218 ***(dirujuk)***
Standard Chartered Bank lwn. Kentland Sdn. Bhd. & Yg. Ln. [1989] 2 CLJ (Rep) 510 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif/perayu - Sarbjit Singh; T/n. Allen & Glendhill
Bagi pihak defendan/responden - A.K. Onn (J. Lam with him); T/n. Onn Hussein & Yee

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Plaintif telah memfailkan saman dalam kamar pada 9 November 1990 untuk mendapatkan penghakiman muktamad terhadap defendan pertama dan defendan kedua bagi jumlah RM634,168.64 sen pada 31 Julai 1990 berserta dengan faedah RM157.96 sehari dari 1 Ogos 1990 hingga penyelesaian penuh bersama fee dan perbelanjaan undang-undang dan kos.

Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana pada 7 November 1991 telah menolak permohonan tersebut berdasarkan bantahan awal defendan mengenai dua perkara, pertama mengenai kelewatan dan kedua berkenaan dengan fakta bahawa afidavit yang menyokong permohonan tidak mempunyai klausa yang menyatakan defendan tiada pembelaan.

Mengikut susunan peristiwa, memorandum kehadiran dan penyata pembelaan defendan telah difailkan pada 11 Julai 1990 dan permohonan plaintif untuk mendapatkan penghakiman muktamad ialah pada 9 November 1990. Dalam masa itu, plaintif telah memohon meminda penyata tuntutan pada 5 September 1990 dan ini telah dibenarkan pada 8 Oktober 1990. Kelewatan, mengikut kata peguam plaintif yang arif, ialah kerana permohonan pindaan tersebut dan ianya tidak menjejaskan pihak defendan.

Berkaitan dengan soal kelewatan, saya pernah dalam kes *MBf Finance Bhd. lwn. Hasmat Properties Sdn. Bhd. & Ors.* [1990] 2 CLJ (Rep) 461 meninjau kedudukan beberapa otoriti-otoriti tentang apa yang dimaksudkan tempoh yang boleh dikatakan dimana kelewatan telah berlaku. Jika tidak diambilkira tarikh afidavit-afidavit tambahan, permohonan plaintif telah dibuat hanya empat bulan selepas penyata pembelaan defendan dan ini, pada fikiran saya, tidaklah boleh dikatakan lewat. Afidavit tambahan pertama hanya empat bulan selepas permohonan difailkan dan ini pun tidaklah boleh dianggap lewat. Mengenai afidavit tambahan kedua, ini adalah selepas pendengaran dihadapan Penolong Kanan Pendaftar dan oleh itu ianya telah tidak diambilkira oleh beliau untuk maksud kelewatan. Dihadapan saya, jika diambilkira, ianya hanya satu bulan selepas pendengaran dihadapan Penolong Kanan Pendaftar. Tempoh ini terlalu pendek untuk dikatakan lewat untuk maksud pendengaran dihadapan saya.

Berkenaan dengan fakta bahawa afidavit sokongan permohonan plaintif tidak mengandungi klausa yang menyatakan bahawa defendan tiada pembelaan telah pun diatasi oleh pihak plaintif dengan cara mengemukakan dua afidavit tambahan pada 14 Mac 1991 dan 26 Disember 1991. Perlu diperhatikan bahawa satu daripadanya adalah sebelum pendengaran dihadapan Penolong Kanan Pendaftar pada 7 November 1991. Oleh itu, pada pendapat Mahkamah, sungguhpun ianya tidak difailkan sekali dengan permohonan, ianya boleh diterima berasaskan kes *Syarikat Islamiyah lwn. Bank Bumiputra Malaysia Bhd.* [1988] 3 MLJ 218. Mengenai afidavit yang kedua yang difailkan selepas pendengaran dihadapan Penolong Kanan Pendaftar ianya juga boleh diterima oleh Hakim mengikut kes *Standard Chartered Bank lwn. Kentland Sdn. Bhd. & Yg. Ln.* [1989] 2 CLJ (Rep) 510.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa Penolong Kanan Pendaftar yang arif tidak sepatutnya menerima bantahan awal yang dibuat oleh defendan atas kedua-dua sebab ini dan dengan demikian saya telah membenarkan rayuan plaintif dengan kos dan mengarahkan Penolong Kanan Pendaftar mendengar permohonan plaintif seterusnya atas soal merit pula.

Also found at [1992] 3 CLJ 1699